



23 MAY, 2022

## Timbalan Menteri MITI wakili Malaysia pada Mesyuarat MRT APEC Ke-28

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Timbalan Menteri MITI wakili Malaysia pada Mesyuarat MRT APEC Ke-28

## BINCANG USAHA PEMULIHAN MELALUI PEMBAHARUAN STRUKTUR...

Lim akan menekankan kepentingan mempergiat kerjasama serantau dalam memulihkan ekonomi serta mengharmonikan pendekatan APEC untuk melaksanakan perjalanan yang lancar dan selamat berikut pembukaan sempadan dan pemasuhan langkah protokol kesihatan. Beliau (Lim) juga akan membincangkan pandangan Malaysia dalam memajukan kemajuan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Pasifik (FTAAP) serta Sistem Perdagangan Pelbagai Hala (MTS).

**BANGKOK:** Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Senator Datuk Lim Ban Hong menyertai Menteri-menteri Perdagangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada Mesyuarat Menteri-menteri Bertanggungjawab Untuk Perdagangan (MRT) APEC ke-28 yang diadakan di sini, bermula 21 hingga 22 Mei lalu.

Mesyuarat dua hari itu akan membincangkan usaha-usaha pemulihan melalui pembaharuan struktur yang diperkuat, ekonomi digital dan kesalinghubungan perjalanan rentas sempadan yang inklusif dan mamparn.

Dalam satu kenyataan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berkata, Lim menekankan

kepentingan mempergiat kerjasama serantau dalam memulihkan ekonomi serta mengharmonikan pendekatan APEC untuk melaksanakan perjalanan yang lancar dan selamat berikut pembukaan sempadan dan pemasuhan langkah protokol kesihatan.

"Beliau (Lim) juga akan membincangkan pandangan Malaysia dalam memajukan kemajuan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Pasifik (FTAAP) serta Sistem Perdagangan Pelbagai Hala (MTS)," katanya.

Timbalan Perdana Menteri Thailand dan Menteri Perdagangan Jurut Laksanawisit akan mempengerusikan mesyuarat MRT ke-28, yang akan menjadi mesyuarat peringkat menteri pertama dianjurkan oleh Thailand

dalam kapasiti sebagai tuan rumah APEC 2022.

Menurut kenyataan itu, Menteri-menteri APEC bersedia untuk mengesahkan Penyataan Bersama Mesyuarat MRT APEC 2022 pada akhir mesyuarat itu kelak.

Menteri-menteri berkenaan akan berikrar mengenai komitmen serantau dalam semangat perkongsian sama rata, tangguhjawab bersama dan saling menghormati dalam melaksanakan langkah-langkah signifikan, dipacu oleh visi bersama untuk menjadi "komuniti Asia Pasifik yang terbuka, dinamik, berdaya tahan dan aman menjelang 2040, demi kemakmuran semua rakyat dan generasi akan datang".

Mesyuarat MRT ke-28 itu

diadakan berikut kejayaan pengesahan Pelan Tindakan Aotearoa untuk melaksanakan Wawasan Putrajaya 2040 semasa Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC (AELM) tahun lepas.

Mesyuarat itu menyaksikan perhimpunan Menteri-menteri Perdagangan; Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan pemerhati rasmi APEC dalam suasana hibrid.

Sementara itu, sebagai sebahagian daripada penglibatan berterusan APEC dengan sektor swasta, MITI berkata Lim juga akan mengambil bahagian dalam Dialog Awam-Swasta MRT-ABAC, 'The FTAAP in the Covid-19 Pandemic and Beyond' kelmarin.

"Menteri APEC bersama-sama dengan Wakil Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) akan bertukar-tukar pandangan mengenai FTAAP dan bidang berkaitan lain sebagai perse-

diaan untuk memastikan rantau Asia-Pasifik yang berdaya tahan dan mamparn.

"Penglibatan itu juga menandakan kerjasama aktif antara Menteri-menteri APEC dengan sektor swasta," katanya.

Sebagai tuan rumah APEC 2022, Thailand telah memiliki tema *Open. Connect. Balance* untuk menyerlahkan keperluan kritikal bagi rantau ini untuk meneruskan tugasannya dalam memudahkan perdagangan dan pelaburan bebas serta terbuka, menggalakkan kesalinghubungan yang lancar selain memupuk pertumbuhan yang seimbang, inklusif dan mamparn, selepas Covid-19.

Dalam mengharungi cabaran semasa yang dihadapi oleh ekonomi APEC hari ini, Thailand akan memperkenalkan Model Ekonomi BioCircular-Green (BCG) sebagai tindak balas kepada isu-isu perdagangan dan pelaburan yang muncul. - Bernama



23 MAY, 2022

## Timbalan Menteri MITI wakili Malaysia pada Mesyuarat MRT APEC Ke-28

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

BINCANG USAHA PEMULIHAN MELALUI PEMBAHARUAN STRUKTUR... Lim akan menekankan kepentingan mempergiat kerjasama serantau dalam memulihkan ekonomi serta mengharmonikan pendekatan APEC untuk melaksanakan perjalanan yang lancar dan selamat berikutan pembukaan sempadan dan pemansuhafi langkah protokol kesihatan. Beliau (Lim) juga akan membincangkan pandangan Malaysia dalam memajukan kemajuan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Pasifik FTAAP) serta Sistem Perdagangan Pelbagai Hala (MTS).